

Kerajaan tidak akan mansuhkan ISA

KUALA LUMPUR 25 Mei — Kerajaan tidak akan memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan akan hanya meminda beberapa peruntukan di dalamnya agar sesuai dengan kehendak semasa, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, keadaan negara yang lebih aman tanpa kepincangan atau kegiatan yang tidak bertanggungjawab telah mendorong kerajaan untuk mengkaji semula beberapa peruntukan dalam akta itu.

"Kita sedang mengkaji tetapi belum membuat

apa-apa keputusan... nampaknya kita tak boleh menghapuskan sama sekali ISA .tetapi mungkin ada beberapa perubahan," katanya.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri berkata demikian selepas menghadiri Hari Keluarga Kementerian Dalam Negeri (KDN), di Tasik Perdana, di sini, hari ini.

Beliau menegaskan, walaupun pada masa ini ancaman komunis sudah berakhir dan tiada lagi tindakan fanatik kaum, tetapi kerajaan harus sentiasa berhati-hati.

"Dalam keadaan ini, kita kena berhati-hati,

nanti kalau ada 'lift up the lid', semuanya nanti akan melimpah naik," katanya.

Menurutnya, mungkin ada kalangan yang mahu melakukan perbuatan yang mengancam keselamatan negara tetapi mereka tidak berani kerana ISA masih berkuatkuasa.

Dr. Mahathir mengulas kenyataan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam bahawa kerajaan sedang mengkaji semula ISA untuk meminda atau memansuhkan beberapa peruntukan di dalamnya.

Dalam perkembangan yang berkaitan, Kongres

Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan Menteri Besar Kelantan, Nik Aziz Nik Mat mendesak supaya akta tersebut dimansuhkan sama sekali.

Menjawab satu soalan, Perdana Menteri berkata, kajian semula itu mungkin akan melibatkan peruntukan mengenai tempoh tahanan.

Ditanya adakah ini bermakna ia melibatkan tempoh tahanan selama dua tahun akan disingkatkan, Dr. Mahathir berkata beliau tidak dapat mengulas kerana pindaan berkenaan masih dalam proses kajian dan akan dikemukakan kepada kabinet apabila siap.

ISA dikuakusakan dalam tahun 1960 selepas tamatnya darurat berikutan ancaman komunis.

Selain itu, akta berkenaan juga diwujudkan disebabkan ancaman perkauman dan konflik keagamaan yang mencecutkan 17 insiden pergaduhan kaum dalam tempoh tahun 1945 hingga 1957.

Antara lain akta itu memperuntukkan kuasa kepada Menteri Dalam Negeri untuk menahan seseorang tanpa perlu dibicarakan di mahkamah dalam tempoh kurang dua tahun.